

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB.TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

**TARIKH JAWAPAN : 27.11.2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pencapaian dan hasil program-program Renewable Energy (RE) yang telah dijalankan oleh Kerajaan sejak 2008 di Sabah dan di seluruh Malaysia. Memandangkan caj untuk Feed-in-Tariff (FiT) sebanyak 1.6 peratus telah dimulakan di Sabah sejak tahun ini, berapa pendapatan telah dikutip oleh kerajaan persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mula melaksanakan program-program Tenaga Boleh Baharu (TBB) sejak Rancangan Malaysia Ke-8 bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil apabila Dasar Lima Bahan Api (*Five Fuel Policy*) diperkenalkan. Di bawah dasar ini, sumber TBB iaitu biomas, biogas, mini-hidro dan solar telah dikenalpasti sebagai sumber tenaga alternatif selain daripada tenaga konvensional iaitu sumber petroleum, gas, arang batu dan hidro untuk penjanaan tenaga elektrik. Selaras dengan pelaksanaan Dasar ini, Program *Small Renewable Energy Power* (SREP) telah diperkenalkan bagi menggalakkan lagi pembangunan tenaga boleh baharu di negara ini. Di bawah program ini, para pemaju boleh membangunkan stesen penjanaan tenaga elektrik berasaskan sumber-sumber TBB seperti *biomass*, biogas dan mini-hidro untuk dijual kepada pihak utiliti.
2. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah mensasarkan penjanaan tenaga elektrik ke grid berasaskan

sumber TBB sebanyak 350MW iaitu sebanyak 300MW di Semenanjung Malaysia dan 50MW di Sabah. Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan program-program seperti, dengan izin, *Malaysian Building Integrated Photovoltaics* (MBIPV) dan *Biomass Based Generation and Co-generation* (Biogen) dengan kerjasama *United Nations Development Program* (UNDP) bagi menggalakkan penggunaan solar fotovoltik bagi kegunaan sendiri dan juga penjanaan elektrik daripada sisa biomas. Selain itu, kemudahan-kemudahan insentif fiskal juga telah disediakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan lagi penyertaan pelabur dalam pembangunan projek-projek TBB seperti taraf perintis, pengecualian cukai pelaburan, pengecualian duti import dan cukai jualan.

3. Sehingga 31 Disember 2010, jumlah kapasiti pemasangan tenaga elektrik yang dijana daripada sumber TBB dan disambungkan ke sistem grid melalui Program SREP adalah sebanyak 68.45MW atau **20%** daripada sasaran sebanyak 350MW yang ditetapkan dibawah RMKe-9. Oleh yang demikian, bagi memacu pembangunan tenaga boleh baharu di negara ini dengan lebih pesat, Kementerian telah memperkenalkan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu yang baru di bawah RMKe-10. Dasar ini dirangka bagi

meningkatkan penjanaan dari sumber TBB serta meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara. Sasaran yang telah ditetapkan di bawah dasar ini adalah sebanyak 2,080MW menjelang tahun 2020.

4. Mekanisme FiT telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011. Di bawah mekanisme ini, lima (5) sumber TBB telah dikenal pasti layak untuk mendapat kadar FiT iaitu biomas daripada sisa pertanian dan sisa pepejal, biogas, hidrokuasa kecil, solar PV dan geoterma. Sehingga 31 Oktober 2014, sebanyak **4,626** permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **917.20 MW** telah diluluskan oleh SEDA Malaysia. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak **2,417** telah bersambung ke grid dan beroperasi dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **242.6 MW**.

5. Berdasarkan kepada jumlah kuota yang diluluskan sehingga 31 Oktober 2014, pelaksanaan Mekanisme FiT dianggarkan telah mewujudkan sebanyak 19,104 peluang pekerjaan dan mengelakkan pembebasan karbon dioksida (CO₂) ke atmosfera sebanyak 2,789,686 _{mtco2eq} sehingga separuh tahun pertama 2017. Pelaksanaan Mekanisme FiT juga telah berjaya menarik pelaburan daripada sektor swasta secara anggarannya sebanyak RM7bilion

bagi membangunkan projek-projek FiT. Ia juga telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri baru iaitu industri TBB negara yang terdiri daripada pembekal perkhidmatan TBB dan juga pembuatan (*manufacturing*) komponen TBB khususnya solar PV.

6. Kutipan 1.6% tarif elektrik bagi pengguna elektrik di Sabah telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2014. Bagi melindungi golongan berpendapatan rendah, pengguna domestik yang menggunakan elektrik kurang daripada 300 kWj sebulan adalah dikecualikan daripada kutipan ini. Sejak ia dilaksanakan sehingga 31 Oktober 2014, sebanyak **RM 9,044,777.61** telah dikutip daripada pengguna elektrik di Sabah untuk KWTBB tersebut.
